



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
PIDATO PIALA DATUK BANDAR & PERTANDINGAN
VIDEO KREATIF TIKTOK BERKAITAN HAIWAN
KESAYANGAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

26 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)
11.00 PAGI

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pidato Piala Datuk Bandar dan Pertandingan Video Kreatif Tik Tok Berkaitan Haiwan Kesayangan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, para peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pidato Piala Datuk Bandar dan Pertandingan Video Kreatif Tik Tok Berkaitan Haiwan Kesayangan dan semua hadirin dan hadirat kerana sudi meluangkan masa menghadiri Majlis pada pagi ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menerusi Bahagian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan bertanggungjawab dalam

menangani kacau ganggu yang melibatkan haiwan berkeliaran di seluruh kawasan Seberang Perai yang merangkumi tiga (3) daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Haiwan berkeliaran terbahagi daripada bahagian ruminan (seperti kambing, lembu, kerbau), dan juga haiwan kesayangan iaitu anjing dan kucing.

Secara puratanya, jumlah anjing terbiar yang ditangkap dalam tempoh setahun adalah 3,500 ekor. Isu anjing berkeliaran tanpa tuan adalah satu isu yang serius di Seberang Perai. Untuk makluman, statistik aduan menunjukkan aduan mengenai kacau ganggu melibatkan anjing dan kucing berkeliaran tanpa tuan adalah yang tertinggi bagi setiap bulan sejak Januari hingga Ogos 2022.

MBSP sentiasa memberi keutamaan mengenai isu ini, di mana MBSP mengguna pakai beberapa kaedah bagi menangani permasalahan ini. MBSP sentiasa melakukan operasi tangkapan haiwan berkeliaran yang berada di tempat awam dan yang melanggar syarat-syarat pelesenan MBSP. Tangkapan dijalankan di seluruh Seberang Perai melalui pemantauan rutin serta aduan awam.

Bahagian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP berperanan melaksanakan aktiviti pelesenan anjing serta mengawal kacau ganggu yang berpunca daripada aktiviti pemeliharaan anjing. Peruntukan undang-undang yang di guna pakai adalah Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982, dan juga Akta Kerajaan Tempatan 1976 di bawah Seksyen 82.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP komited untuk menangani isu-isu haiwan berkeliaran demi meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Seberang Perai. Justeru, lapan (8) strategi telah dirangka untuk dilaksanakan sehingga tahun 2030 iaitu; melantik Doktor Veterinar sepenuh masa berkhidmat dengan MBSP; mengadakan Program Pemandulan; mengadakan Program *Trap, Neuter, Release and Manage* (TNR-M); pembinaan Paun Haiwan; mengadakan Program *Adoption*; Program Pendidikan; mengadakan operasi tangkapan; dan operasi penguatkuasaan.

MBSP sedar pentingnya kesedaran dalam kalangan masyarakat awam mengenai isu populasi haiwan berkeliaran. Oleh itu, MBSP telah mengambil inisiatif untuk mendidik dan memberi pemahaman kepada

masyarakat mengenai tanggungjawab bersama dalam mengawal populasi haiwan berkeliaran. Strategi Program Pendidikan Haiwan Kesayangan merupakan salah satu aktiviti di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities* bagi mewujudkan persekitaran yang selamat. MBSP telah mengedarkan risalah serta penerangan tentang pentingnya kaedah pemandulan haiwan peliharaan dalam usaha mengawal populasi haiwan peliharaan terbiar dan mendidik mereka tentang pengendalian haiwan kesayangan untuk menghindarkan tabiat membuang haiwan peliharaan dan anak-anak haiwan peliharaan yang tidak diinginkan di merata-rata tempat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Seberang Perai Ke-3 2022, MBSP telah melaksanakan dua (2) pertandingan yang berhubung kait dengan haiwan peliharaan atau haiwan kesayangan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai dan murid-murid sekolah melalui Pertandingan Pidato Piala Datuk Bandar dengan tema "*Ke Arah Bandaraya Haiwan Terbiar Sifar*" dan Pertandingan Video Kreatif Tiktok berkaitan Haiwan Kesayangan melalui tema "*Sayangi Haiwan Peliharaan, Selamatkan Haiwan Terbiar*".

Pertandingan pidato adalah salah satu bentuk aktiviti berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi yang semakin diangkat sebagai aktiviti kokurikulum yang utama. Pelajar sekolah rata-rata masih tidak menyedari kewujudan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta peranannya. Sehubungan itu, menerusi pertandingan sebegini, para pelajar dapat memahami tanggungjawab dan boleh memainkan peranan di dalam menyampaikan sumbang saran idea dalam menyelesaikan masalah major yang dihadapi oleh PBT.

Pertandingan pidato ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isu dan situasi serta tanggungjawab tentang haiwan berkeliaran. Selain itu, program ini dapat melahirkan generasi pelajar yang memahami peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya Majlis Bandaraya Seberang Perai. Program ini juga dapat merangsang minda pelajar bagi meneroka dan menyumbang idea yang kritis dalam menyelesaikan isu haiwan berkeliaran yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Benarlah seperti peribahasa “melentur buluh biarlah daripada rebungunya”. Semoga dengan usaha ini dapat melahirkan generasi yang intelek dan cakna terhadap tanggungjawab bersama berkaitan isu ini.

Pertandingan Video Kreatif Tik Tok pula secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang konsep haiwan terbiar dan haiwan kesayangan. Selain itu, dapat menggalakkan komuniti setempat untuk menyelamatkan dan bertanggungjawab terhadap haiwan terbiar serta merangsang kreativiti komuniti dalam menyampaikan mesej berkaitan haiwan terbiar dan haiwan kesayangan.

Seramai 40 peserta telah menyertai kedua-dua pertandingan, di mana 32 peserta bertanding dalam Pertandingan Video Kreatif Tik Tok dengan tiga (3) peserta meraih kemenangan. Manakala untuk Pertandingan Pidato Piala Datuk Bandar pula, seramai lapan (8) pelajar sekolah menengah telah bertanding dan lima (5) pelajar telah berjaya ke peringkat akhir. Pertandingan Pidato peringkat akhir telah dipertandingkan sebentar tadi.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemenang-pemenang yang akan menerima hadiah sebentar lagi bagi kedua-dua pertandingan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang menjayakan program dan menjadikan satu kenyataan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir, di atas kesudian meluangkan masa untuk menyertai acara kita pada hari ini.

Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Pidato Piala Datuk Bandar dan Pertandingan Video Kreatif Tik Tok Berkaitan Haiwan Kesayangan.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.